

B573
MAHATHIR-MCA
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- PERGERAKAN PEMUDA MCA 'AGAK PUASHATI' DENGAN HASIL DIALOG SELAMA EMPAT JAM YANG DIADAKAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KELMARIN MENGENAI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT CHINA DALAM BIDANG EKONOMI.

KETUA PEMUDA MCA, DATUK LEE KIM SAI, YANG MENGETUAI PERWAKILAN 14 ORANG KE PERJUMPAAN ITU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA HARI INI: TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MEMBERI JAMINAN BAHAWA BELIAU SENDIRI AKAN MENOLONG MENGATASI MASALAH-MASALAH TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MEMBERITAHU PERWAKILAN ITU BAHAWA CADANGAN-CADANGAN PEMUDA MCA YANG TERKANDUNG DALAM SATU MEMORANDUM AKAN DIPERTIMBANGKAN.

PERJUMPAAN ITU JALAH YANG KETIGA DALAM SIRI PERTEMUAN YANG DIATUR OLEH PEMUDA MCA SEHINGGA INI. PERJUMPAAN PERTAMA DIADAKAN DENGAN PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN DALAM BULAN MEI DAN KEDUA DENGAN MENTERI PELAJARAN, DATUK MUSA HITAM DALAM BULAN JUN.

PEMUDA MCA AKAN MENGANJUR SATU LAGI DIALOG DENGAN MENTERI DALAM NEGERI, TAN SRI GHAZALI SHAFIE.

—BERSAMBUNG 1749/AN

B574
MAHATHIR-MCA 2 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK LEE, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BUKANLAH DASAR KERAJAAN ATAU UMNO MENENTUKAN PENYERTAAN EQUITI BUMIPUTERA PADA KADAR 51 PERATUS DAN BUKAN 30 PERATUS SEPERTI TERKANDUNG DALAM DASAR EKONOMI BARU.

BELIAU MENYEMBUK DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI BERKATA BAHAWA 51 PERATUS PENYERTAAN EQUITI YANG DICADANGKAN DI KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA KETIGA AKAN TETAP SEBAGAI SATU USUL KONGRES ITU SAHAJA.

MENGENAI SAMADA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI +BATUAN DAN KEIS-TIMEWAAN+ KEPADA BUMIPUTERA SELEPAS TAHUN 1990, DATUK SERI DR. MAHATHIR DILAPORKAN SEBAGAI BERKATA BAHAWA SOAL ITU AKAN DITIMBANGKAN APABILA MASANYA TIBA.

MENGENAI SERUAN MCA SUPAYA LEBIH RAMAI BUKAN BUMIPUTERA DIAMBIL BEKERJA DALAM SEKTOR AWAM, TIMBALAN PERDANA MENTERI DILAPORKAN BERKATA BAHAWA SEKTOR AWAM AKAN HANYA BERBUAT DEMIKIAN APABILA SEKTOR SWASTA MENGAMBIL LEBIH RAMAI BUMIPUTERA SEBAGAI TENAGA PEKERJA. —BERNAMA 1758/MD